

RPE 322 - Perancangan Lalulintas


Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
( 3 jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Klasifikasikan rangkaian jalan raya yang di bawah ini dan buat keratan lintang tiap-tiap jalan raya tersebut.



( 20 markah )

...2/-

2. Pengurusan lalulintas adalah sangat penting diimplimentasikan di Pusat-pusat bandar. Apakah sebabnya? Huraikan kaedah-kaedah tersebut

( 20 markah )


3. Bincangkan tujuan dan cara-cara kajian meletak kereta di pusat bandar. Bezakan sistem kutipan bermeter dengan sistem kutipan tiket menggunakan atendan.

( 20 markah )

4. Bagaimanakah kajian isipadu dan pengaliran lalulintas di Persimpangan Jalan Batu Uban dan Sungai Dua dijalankan? Terangkan juga kaedah dan cara data-data yang diperolehi dianalisis supaya dapat ditunjukkan dalam bentuk laporan.

( 20 markah )

5. Jalan-jalan A, B, C dan D merupakan rangkaian jalan raya di pusat bandar. Purata isipadu lalulintas sejam bagi



setiap batang jalan bagi tahun-tahun 1985 dan 1987 adalah seperti dalam rajah berikut.

...3/-

Jalan	Purata isipadu lalulintas sejam	
	1985	1987
A	4,000	4,600
B	3,800	4,300
C	3,900	4,400
D	2,600	2,750

Andaikan bahawa kadar peningkatan isipadu lalulintas bagi jangka pendek adalah konstan. Carikan isipadu bagi A, B, C dan D untuk 5 tahun dari sekarang.

( 20 markah )

6. Berapa jenis formula digunakan untuk unjuran jumlah letak kereta, hakmilik kenderaan dan isipadu kenderaan. Di antara formula-formula yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(i)  $N_F = N_p \left(1 + \frac{r}{100}\right)^n$

(ii)  $(Cari)_t = (CNARR_i)_t - (CNDEP_i)_t$

(iii) Darjah Kesesakan =  $\frac{\text{Isipadu}}{\text{Muatan}} = \frac{V}{C}$

Huraikan ciri-ciri serta maksud formula-formula seperti yang tersebut di atas.

( 20 markah )

7. Beberapa teknik mengintegrasikan sistem lalulintas dengan kegunaan tanah telah diamalkan di beberapa negara. Bincangkan teknik-teknik tersebut dengan berpandukan aspek-aspek lalulintas seperti:

- (i) Rangkaian jalan raya
- (ii) Sistem pejalan kaki
- (iii) Sistem pengangkutan awam

( 20 markah )

8. Terangkan dengan ringkas empat (4) daripada istilah-istilah berikut dalam konteks ordinan dan organisasi lalulintas.

- (a) Kod Lebuh Raya
- (b) Perlesenan Pengangkutan Jalan
- (c) Sistem Kejara
- (d) Titik Kemalangan
- (e) Warta Kerajaan Lalulintas

( 20 markah )